

Sungai Golok catat paras bahaya

Kota Bharu: Sungai Golok dekat Rantau Panjang, di sini, mencatatkan paras bahaya iaitu sembilan meter pada jam 6.30 petang, semalam.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan Shahimi Sharif berkata, kenaikan paras sungai itu, menyebabkan lima kampung berhampiran mula dinaiki air sedalam 0.3 meter iaitu kampung Lanchang, Kelawar, Bendang Nyior, Bonggor dan Padang Pok Atap.

Katanya, Sungai Jenob di Tanah Merah kini menghampiri paras bahaya iaitu 22.08 meter

yang akan menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air iaitu Tanah Merah, Kampung Jenob, Nibong dan Kajang.

“Di daerah Pasir Mas, kawasan yang dijangka dinaiki air termasuk Kampung Lubok Stoi, Kubang Rambutan, Pekan Rantau Panjang, Pekan Lama Rantau Panjang, Lubok Gong, Tersang, Gual Tok Deh dan Kubang Pak Hitam.

“Kampung terbabit dinaiki air selepas aliran air hujan dari kawasan hulu turun ke kawasan rendah dan berdekatan tebing sungai yang terdedah dengan risiko banjir,” ka-

tanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan air sungai kembali ke paras waspada dan normal kecuali Sungai Golok apabila tiada hujan direkodkan di semua tempat.

“Kami nasihatkan penduduk di kawasan rendah supaya bersiap sedia berdepan fenomena ini walaupun amaran jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi itu sudah berakhir.

“Kita perlu berwaspada berikutan angin monsun boleh mengubah cuaca kepada tidak menentu termasuk kembali dilanda hujan lebat,” katanya.